

TERMA DAN SYARAT **KEMPEN JOMPAY & WIN! 2021**

KEMPEN

1. Kempen JomPAY & Win! 2021 adalah kempen yang diadakan bagi menghargai peminjam yang berusaha membuat bayaran balik pinjaman walaupun di dalam keadaan pandemik yang mencabar masa kini serta turut berpeluang untuk memenangi hadiah tunai dalam bentuk bayaran balik pinjaman PTPTN. Kempen ini adalah kerjasama yang dijalankan bersama PTPTN, Ambank (M) Bhd dan Payments Network Malaysia (PayNet);
2. Kempen ini menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan sebanyak **RM50,000** kepada **50 orang** pemenang.

TEMPOH KEMPEN

3. Tempoh kempen bermula **1 Ogos 2021** sehingga **31 Oktober 2021**;
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

KELAYAKAN

5. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN;
6. **Bayaran balik pinjaman PTPTN perlu dibuat melalui saluran JomPAY** dalam tempoh kempen;
7. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada **amaun bayaran balik pinjaman PTPTN** seperti berikut:

Bayaran Minimum	Bilangan Cabutan
RM100	1 Cabutan

8. Tiada had untuk bilangan cabutan;
9. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
10. Sekiranya berlaku kematian peminjam dalam tempoh kempen, akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

11. Peminjam yang layak berpeluang memenangi hadiah berikut:

Hadiah	Bilangan Hadiah
Utama : RM11,000	1
Kedua : RM8,000	1
Ketiga : RM5,000	1
Keempat : RM3,000	1
Saguhati : RM500	46
Jumlah Keseluruhan	50

12. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my;
13. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan;
14. Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan SSPN-*i* yang dibuka oleh pemenang sebagai pendeposit. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun SSPN- *i*, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*;
15. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN;
16. PTPTN berhak secara mutlak untuk menukar atau menggantikan hadiah lain dengan nilai yang setara dengannya tanpa perlu memberi apa-apa notis pertukaran tersebut;
17. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan;
18. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan;
19. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** dari tarikh cabutan. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut;

20. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh cabutan;
21. Pemenang atau warisnya adalah dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan;
22. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

PERUNTUKAN UMUM

20. Sebagai peminjam yang mempunyai akaun aktif, peminjam dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi.
21. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
22. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan / atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peminjam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peminjam untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
23. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
24. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peminjam tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

25. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
26. Penyertaan peminjam dalam kempen ini adalah atas risiko peminjam sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
27. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
28. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peminjam termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peminjam, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peminjam hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
29. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peminjam.

Maklumat dikemas kini pada 26 Julai 2021